

FAKTOR PENENTU PEMBAYARAN ZAKAT HARTA  
DI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

MOHD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## DEDIKASI

Segala puji hanya yang layak bagi Allah S.W.T

Selawat dan salam buat Nabi junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan ke atas keluarga baginda dan para sahabat.

Tatapan teristimewanya

Buat penyelia, Dr. Mohd Fauzi Bin Abu @ Hussin. Terima kasih atas ilmu yang dicurahkan dan tidak pernah jemu mendidik. Semoga Allah melindungi dan merahmati.

Untuk Mak dan Ayah tercinta

Tuan Haji Abdul Hamid Bin Abdul Majid & Puan Hajah Salmah Binti Ali  
Ucapan terima kasih tidak terhingga yang sentiasa memahami dan memberi sokongan supaya terus kuat untuk menghabiskan pengajian ini.

Untuk keluarga tercinta, Siti Nurhuda Binti Ab Razak,  
Fatih An Najdi, Fatih Ar Rizqi

Terima kasih atas sokongan dan iringan doa pada suami mu. Semoga Allah memberi dan merahmati kalian.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga dan para sahabat baginda. Segala puji bagi Allah atas segala kesempatan dan peluang yang diberikan bagi menyiapkan kajian penyelidikan ijazah sarjana ini. Tiada ungkapan yang boleh dirungkaikan atas segala nikmat yang diberikan.

Tidak lupa juga buat emak dan abah serta isteri tercinta yang sentiasa mendoakan kejayaanku dunia akhirat, dan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan *jazakallahu khairan kathira* kepada Dr. Mohd Fauzi Bin Abu @ Hussin selaku penyelia, yang telah memberi segala tunjuk ajar, bimbingan, harapan dan kepercayaan kepada saya selama ini

Akhir sekali, saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua responden yang terlibat, sahabat-sahabat seperjuangan yang begitu banyak berkorban untuk diriku, serta mana-mana pihak yang banyak membantu dan menolong dalam menyiapkan kajian ini, sama ada secara langsung atau pun tidak langsung. Semoga Allah memberkati dan merahmati kita semua. InsyAllah.

## ABSTRAK

Isu pembayaran dan kutipan zakat di Malaysia sering dibincangkan dan dikritik secara umum terutamanya pembayaran zakat kepada Majlis Agama Islam Negeri. Di negeri Johor, senario semasa menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kutipan dan jumlah bilangan pembayaran zakat. Namun, berdasarkan statistik 2015 sebaliknya berlaku, dimana peratusan pembayaran zakat harta kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor adalah hanya sekitar tidak lebih 5.08 peratus daripada 1.8 juta umat Islam di Negeri Johor. Berdasarkan senario ini, kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat harta kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Hal ini akan membantu Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk memberi tumpuan kepada faktor utama dalam meningkatkan bilangan pembayar zakat harta di Negeri Johor. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif sepenuhnya dengan menjadikan borang soal selidik sebagai instrumen utama untuk mengumpulkan data. Data kajian ini telah dianalisis secara deskriptif dan inferential menggunakan min, sisihan piawai, ANOVA sehala, Korelasi Pearson dan regrasi berganda. Perisian SPSS 22.2 digunakan dalam kaedah penyelidikan kuantitatif ini. Instrumen soal selidik dibangunkan berdasarkan pengubahsuaian daripada kajian lepas. Sebanyak enam pembolehubah dikenal pasti dalam kajian ini. Kajian rintis telah dilaksanakan ke atas 30 orang dengan nilai *Alpha-Cronbach* 0.845. Sebanyak 600 borang soal selidik telah diedarkan di 4 zon merangkumi 10 daerah di Negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, 384 borang soal selidik telah dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor imej dan kepercayaan kepada pusat zakat, pengetahuan mengenai zakat, cukai semasa, logistik dan kemudahan merupakan faktor penentu yang signifikan kepada pembayaran zakat harta di Majlis Agama Islam Negeri Johor manakala faktor keimanan dan penguatkuasaan undang-undang adalah sebaliknya. Penyelidik membuat kesimpulan bahawa Majlis Agama Islam Negeri Johor perlu memberi tumpuan lebih khusus kepada faktor-faktor utama bagi meningkatkan kutipan zakat di Johor.

## ABSTRACT

The zakat issue pertaining to the payment and collection of zakat in Malaysia are publicly discussed and criticized especially issues related to the payment of zakat to religious authority, Majlis Agama Islam Negeri. In Johor, current scenario shows that there have been an increase in collection and payment of zakat. However according to 2015 statistics, the percentage of zakat payment to the Majlis Agama Islam Negeri is merely 5.08 percent of the 1.8 million Muslims in Johor. Based on this scenario, this study is conducted to identify factors affected the payment of zakat to the Majlis Agama Islam Negeri Johor. This will help Majlis Agama Islam Negeri Johor to focus on the main factors in increasing the number of zakat on wealth payers in Negeri Johor. This research is a fully quantitative study by using questionnaire as primary instrument to collect the data. The data was analyzed descriptively and inferential by using mean, standard deviation, one-way ANOVA, Pearson Correlation and multiple regression. SPSS 22.2 software was used in this quantitative research methods. Questionnaire instrument was developed based on modifications from previous studies. There are six variables identified in this study. Pilot study has been conducted on 30 people with Alpha-Cronbach value 0.845. About 600 survey forms were distributed in 4 zones covering 10 districts in the state of Johor. From the total, 384 questionnaires have been analyzed. The study found that the image and trust in zakat centers, knowledges about zakat, current taxes, logistics and facilities are the main factors that significantly influence to the payment of zakat in Majlis Agama Islam Negeri Johor while the faith factor and law enforcement are vice versa. This research concludes that Majlis Agama Islam Negeri Johor need to focus more specifically on the key factors to improve the collection of zakat in Johor.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI STATUT</b>	<b>xvii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xviii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xx</b>
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	6
	1.2.1 Perkembangan Terkini Pembayaran Zakat Harta Di Negeri Johor	7
	1.2.2 Kutipan Zakat Harta Di Beberapa Negeri Di Malaysia Dan Faktor Yang Mempengaruhi Peningkatan Kutipan	10

1.2.3	Kebocoran Pembayaran Zakat	14
1.2.4	Keperluan Penambahbaikkan Untuk Meningkatkan Pungutan Zakat	16
1.3	Penyataan Masalah	19
1.4	Objektif Kajian	21
1.5	Persoalan Kajian	22
1.6	Kepentingan Kajian	22
1.7	Skop Dan Batasan Kajian	25
1.8	Hipotesis	27
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	29
1.9.1	Imej Dan Kepercayaan Kepada Pusat Zakat	29
1.9.2	Pengetahuan Mengenai Zakat	32
1.9.3	Keimanan	33
1.9.4	Penguatkuasaan Undang-Undang	33
1.9.5	Faktor Cukai Semasa	34
1.9.6	Kemudahan Dan Logistik	35
1.10	Definisi Istilah	36
1.11	Kesimpulan	37
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>38</b>
2.1	Pengenalan	38
2.2	Zakat Dan Pelaksanaannya	39
2.3	Pengurusan Kutipan Zakat Di Negeri Johor	40
2.4	Struktur Majlis Agama Islam Negeri Johor	42
2.5	Jenis-Jenis Zakat Dan Pelaksanaannya Di Negeri Johor	43
2.5.1	Zakat Fitrah	44
2.5.2	Zakat Harta	45
2.5.3	Faedah Dan Hikmah Berzakat	57
2.5.4	Perundangan Dan Pelaksanaan Zakat Di Negeri Johor	60

2.6	Perkembangan Pungutan Dan Agihan Zakat Di Negeri Johor Dari Tahun 2012-2015	61
2.7	Kajian Lepas	67
2.7.1	Imej Dan Kepercayaan Kepada Pusat Zakat	68
2.7.2	Pengetahuan Mengenai Zakat	79
2.7.3	Tahap Keimanan	80
2.7.4	Penguatkuasaan Undang-Undang	85
2.7.5	Cukai Semasa	91
2.7.6	Kemudahan Dan Logistik	93
2.8	Kebocoran Pembayaran Zakat Harta	96
2.9	Keperluan untuk meningkatkan kutipan zakat	98
2.10	Kesimpulan	100

### **3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	102
3.2	Kaedah Penyelidikan Kuantitatif	103
3.2.1	Justifikasi Kaedah Penyelidikan Kuantitatif	103
3.3	Reka Bentuk Kajian	105
3.3.1	Reka Bentuk Deskriptif	106
3.3.2	Statistik Inferensi	109
3.4	Lokasi Kajian	109
3.5	Populasi Dan Sampel Kajian	111
3.5.1	Kaedah Persampelan	114
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	117
3.7	Instrumen Kajian	118
3.7.1	Soal Selidik	132
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	137
3.9	Kajian Rintis	138
3.9.1	Penambahbaikan Kajian Rintis	140



	3.9.2 Ujian Normaliti	142
	3.10 Kaedah Penganalisan Data	143
	3.10.1 Statistik Deskriptif	144
	3.10.2 Analisis Korelasi	144
	3.10.3 Analisis Regresi Berganda	145
	3.10.4 ANOVA	145
	3.11 Kesimpulan Analisis Data	146
	3.12 Kesimpulan	147
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
	4.1 Pengenalan	148
	4.1.1 Latar Belakang Responden, Jantina, Umur Dan Bilangan Tanggungan/anak	149
	4.1.2 Tahap Pendidikan, Pekerjaan, Pendapatan Kasar Bulanan, Pendapatan Kasar Isi Rumah Dan Daerah Tinggal	152
	4.2 Amalan Pemberian Di Kalangan Responden	155
	4.2.1 Maklumat responden mengenai zakat	157
	4.3 Pembayaran Zakat Harta Di Kalangan Responden	160
	4.3.1 Kesediaan Responden Untuk Membayar Zakat Harta Mereka Kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor	162
	4.3.2 Saya Mengambil Tahu Kemana Zakat Saya Diagihkan	163
	4.3.3 Saya Mengesyorkan Kepada Asnaf Untuk Mendapatkan Bantuan Di Majlis Agama Islam Negeri Johor	163

4.3.4	Isu – isu Semasa Yang Viral Di Internet Yang Melibatkan Asnaf Mengganggu Saya Untuk Menunaikan Zakat Harta	164
4.4	Bahagian A, Faktor Penentu Pembayaran Zakat Harta	164
4.4.1	Faktor Imej Dan Kepercayaan Kepada Pusat Zakat	165
4.4.2	Faktor Pengetahuan Mengenai Zakat	165
4.4.3	Faktor Keimanan	166
4.4.4	Faktor Penguatkuasaan Undang-Undang	166
4.4.5	Faktor Kemudahan Dan Logistik	167
4.4.6	Faktor Cukai Semasa	167
4.4.7	Faktor Pembayaran Kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor	168
4.5	Analisis Faktor-Faktor Pendorong Kepada Pembayaran Zakat Harta Di Majlis Agama Islam Negeri Johor (Objektif Dua)	168
4.5.1	Regrasi	170
4.6	Keputusan Hipotesis	171
4.7	Analisis Punca Kebocoran Pembayaran Zakat Kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (Objektif Tiga)	173
4.8	Kesimpulan	175
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	177
5.2	Ringkasan Kajian	178
5.3	Perbincangan	180
5.3.1	Perbincangan Objektif Pertama: Perkembangan Terkini Pembayaran Zakat Harta	180

5.3.2	Perbincangan Objektif Kedua: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat	183
5.3.3	Perbincangan Objektif Ketiga: Kebocoran Pembayaran Zakat	186
5.4	Langkah Meningkatkan Kutipan Bayaran Zakat – Objektif Keempat	189
5.4.1	Cadangan Kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor Dan Pusat-Pusat Pungutan Zakat	190
5.4.2	Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	193
5.5	Kesimpulan	194
<b>6</b>	<b>RUJUKAN</b>	<b>196</b>
<b>7</b>	<b>LAMPIRAN A</b>	<b>206</b>
<b>8</b>	<b>BORANG SOAL SELIDIK</b>	<b>206</b>
<b>9</b>	<b>LAMPIRAN B</b>	<b>212</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1.1	Penduduk Malaysia Mengikut Umur Dan Jantina, Tahun 2014	9
1.2	Taburan Peratusan Isi Rumah Dan Agihan Pendapatan Mengikut Kelas Pendapatan Isi Rumah Bulanan Negeri Johor	10
1.3	Bilangan Pembayar Dan Pungutan Zakat Harta Di Tiga Buah Negeri Yang Mendapat Pungutan Terbesar Di Malaysia	11
1.4	Perbezaan Jumlah Pungutan Dan Agihan Zakat 2014-2015	16
1.5	Pungutan Dan Agihan Zakat Di Majlis Agama Islam Negeri Johor Dari Tahun 2012-2015	18
2.1	Kutipan Zakat Harta Mengikut Tahun Dan Jenis	62
2.2	Kutipan Zakat Harta Mengikut Tahun, Jenis Dan Bilangan Pembayar Zakat	66
2.3	Agihan Zakat Mengikut Asnaf Dan Tahun	66
2.4	Kutipan Zakat Dan Cukai Malaysia 2012-2014	92
2.5	Jumlah Kebocoran Kutipan Fitrah 2003-2005	97
2.6	Jumlah Kutipan Dan Agihan Zakat Bagi Tiga Buah Negeri Yang mempunyai Kutipan Terbesar Untuk Tahun 2013	98

2.7	Jumlah Kutipan Dan Agihan Zakat Bagi Tiga Buah Negeri Yang mempunyai Kutipan Terbesar Untuk Tahun 2014	99
2.8	Jumlah Kutipan Dan Agihan Zakat Bagi Tiga Buah Negeri Yang mempunyai Kutipan Terbesar Untuk Tahun 2015	99
3.1	Bilangan Pembayar Zakat Harta Dari Tahun 2012-2014 Mengikut Jenis Zakat	112
3.2	Sampel Saiz	114
3.3	Instrumen Kajian	120
3.4	Jadual Soalan Skala Likert Dan Soalan Pilihan	131
3.5	Skala Likert Untuk Faktor Penentu Pembayaran Zakat harta Di Majlis Agama Islam Negeri Johor	135
3.6	Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Bagi Semua Soalan	140
3.7	Ujian Kajian Rintis Kedua	142
3.8	Aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	145
3.9	Ringkasan Analisis Data Mengikut Objektif Kajian	147
4.1	Analisis Jantina, Umur, Status Perkahwinan dan Bilangan Tanggungan.	149
4.2	Analisis Tahap Pendidikan, Pekerjaan, Pendapatan Kasar Bulanan, Pendapatan Kasar Isi Rumah Bulanan Dan Daerah Tinggal	152
4.3	Analisis Amalan Pemberian Dikalangan Responden	156
4.4	Analisis Responden Mendapatkan Maklumat Mengenai Zakat	158
4.5	Analisis Saya Membayar Zakat Harta Saya Setiap Tahun?	161
4.6	Analisis Jika Saya Berzakat, Nilai Yang Saya Akan Bayar Adalah	161
4.7	Analisis Sekiranya Anda Mempunyai RM 500.00	162

	Untuk Dikeluarkan Sebagai Zakat, Saya Akan?	
4.8	Analisis Saya Mengambil Tahu Kemana Zakat Saya Diagihkan	163
4.9	Analisis Saya mengesyorkan Kepada Asnaf Untuk Mendapatkan Bantuan Di Majlis Agama Islam Negeri Johor	164
4.10	Analisis Isu-Isu Semasa Yang Viral Di Internet Yang Melibatkan Asnaf Menganggu Saya Untuk Menunaikan Zakat harta	164
4.11	Analisis Tahap Imej Dan Kepercayaan Kepada Pusat Zakat	165
4.12	Analisis Faktor Pengetahuan Mengenai Zakat	165
4.13	Analisis Tahap Faktor Keimanan	
4.14	Analisis Tahap Faktor Penguatkuasaan Undang-Undang	166
4.15	Analisis Tahap Faktor Kemudahan Dan Logistik	167
4.16	Analisis Tahap Faktor Cukai Semasa	167
4.17	Analisis Tahap Pembayaran Zakat Harta Di Majlis Agama Islam Negeri Johor	168
4.18	Analisis Hubungan Diantara pembolehubah Tidak Bersandar Dan Pembolehubah Bersandar	169
4.19	Analisis Faktor Penentu Pembayaran Zakat Harta Di Majlis Agama Islam Negeri Johor	170
4.20	Analisis ANOVA Faktor Imej Dan Kepercayaan kepada Pusat Zakat	174
4.21	Analisis ANOVA Faktor Pengetahuan Mengenai Zakat	174
4.22	Analisis ANOVA Faktor Keimanan	174
4.23	Analisis ANOVA Faktor Penguatkuasaan Undang-Undang	174
4.24	Analisis ANOVA Faktor Kemudahan Dan Logistik	175
4.25	Analisis ANOVA Faktor Cukai Semasa	175

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Peraturan Peningkatan pembayaran Zakat harta Di Majlis Agama Islam Negeri Johor	7
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	29
2.1	Struktur Majlis Agama Islam Negeri Johor	43
3.1	Pembahagian Zon Di Negeri Johor	110

## **SENARAI STATUT**

Perlembagaan Persekutuan

Akta Cukai Pendapatan 1967

Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Johor) 2003

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997



**SENARAI SINGKATAN****RINGKAS****MAKSUD**

ACP -	Akta Cukai Pendapatan
ANOVA -	Analysis of Variance
BERNAMA-	Berita Nasional Malaysia
CSR -	Corporate Social Responsibility
IPT -	Institut Pengajian Tinggi
JAIJ -	Jabatan Agama Islam Johor
JKM -	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KPE -	Ketua Pegawai Eksekutif
KWSP -	Kumpulan Simpanan Wang Pekerja
LHDN-	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LZS -	Lembaga Zakat Selangor
MAIDAM -	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu

MAIJ -	Majlis Agama Islam Negeri Johor
MAIK -	Majlis Agama Islam Melaka
MAINJ-	Majlis Agama Islam Negeri Johor
MAIP -	Majlis Agama Islam Perak
MAIWP-	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
NKRA -	Nasional Key Result Areas
No -	Nombor
RMK11-	Rancangan Malaysia Ke 11
SPSS -	Statistical Package of Social Science
UiTM -	Universiti Teknologi Mara
UTM -	Universiti Teknologi Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO.LAMPIRAN</b>	<b>NAMA LAMPIRAN</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Surat Permohonan Mendapatkan Maklumat Kajian	207
B	Ujian Normaliti	212

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Islam merupakan agama yang sempurna yang diturunkan oleh Allah melalui perantaraan baginda Nabi Muhammad (SAW) yang mengajar dan mendidik manusia kepada jalan yang diredhai oleh Allah, pelbagai perkara yang menjadi sarana kepada manusia untuk patuh kepada tuhan yang maha Esa dan ianya telah dititipkan kepada baginda Nabi Muhammad (SAW) melalui al-Quran dan Hadis, dengan itulah tertegaknya Islam sebagai agama. Islam mengajarkan penganutnya agar mematuhi setiap apa yang telah diperintahkan dan meninggalkan segala larangan kerana setiap yang diperintahkan oleh Allah pasti ada kebaikan dan setiap yang dilarang sudah pasti ada kemudahan.

Firman Allah dalam surah al Anbiya ayat ke-25 (21: 25):

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ

“Dan kami tidak mengutus sebelum mu (wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan kami wahyukan kepadanya “bahawa sesungguhnya tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Aku, oleh itu beribadatlah kamu kepadaKu”.

Islam mendidik umatnya sebagai satu keluarga yang besar dengan saling membantu antara satu dengan yang lain seperti orang yang kaya bertanggungjawab

untuk membantu mereka yang terdiri daripada fakir dan miskin atau tergolong daripada asnaf zakat yang lapan. Maka, wujud lambang penyatuan hati-hati dengan melahirkan rasa simpati, belas ihsan dan yang paling penting adalah untuk membina ukhuwah yang erat pada setiap lapisan masyarakat. Justeru rukun Islam ini iaitu zakat adalah satu tuntutan yang telah ditetapkan oleh Allah (SWT). Sebagaimana hadis Nabi Muhammad (SAW) yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

بني الإسلام على خمسٍ؛ شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمداً رسول الله، وإقام

الصلاة، وإيتاء الزكاة، وحج البيت، وصوم رمضان

“Islam itu didirikan atas lima (pekara) – menyaksikan bahawa tiada Ilah melainkan Allah, dan bahawasanya Muhammad itu Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji ke Baitullah dan puasa sebulan Ramadhan”.

(Shahih Bukhari:7)

Justeru, zakat sebagai satu ibadah yang telah ditentukan oleh Allah (SWT) dan diberikan kewajipan untuk menunaikannya kepada umat Nabi Muhammad (SAW). Selain ia sebagai ibadah, zakat mempunyai manfaat yang cukup besar kepada diri pembayar zakat dan masyarakat keseluruhannya. Antara peranan umum zakat adalah menghapuskan ruang kemaksiatan dan rasa tinggi diri sesetengah masyarakat dan menghasilkan generasi yang saling mengasihi dan menyayangi disetiap lapisan masyarakat. Zakat menurut Ellany Eza Abdul Lateff dan Mohd Rizal Palil (2011) menggambarkan pendapatan ekonomi yang utama dalam mencambahkan keadaan sosial yang lebih seimbang sekaligus membawa masyarakat Muslim kepada kesejahteraan dan keselamatan.

Terdapat pelbagai tafsiran dan makna yang berkaitan dengan zakat. Diantaranya zakat adalah suatu ketentuan yang dikeluarkan daripada harta di dalam pelbagai bentuk yang berbeza. Manakala zakat daripada sudut bahasa adalah suci, tumbuh, berkat dan pujian. Menurut pembahasan sarjana Islam daripada sudut istilah ia membawa maksud pembersihan terhadap harta tersebut sehingga turun

berkat kepadanya. Zakat fitrah adalah pembersihan terhadap individu yang menunaikannya (Mutawalli Sya'rawi, 2013). Al-Qardawi (2006) pula mendefinisikan zakat sebagai satu bahagian tertentu daripada harta yang wajib dikeluarkan kepada golongan yang berhak.

Zakat mempunyai manfaat yang cukup besar sama ada kepada pembayar mahupun penerima zakat. Zakat terbahagi kepada dua iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Zakat fitrah adalah zakat yang diwajibkan kepada setiap umat Islam untuk membayarnya pada bulan Ramadhan mengikut syarat-syarat yang tertentu; zakat harta pula adalah zakat yang dikeluarkan oleh seseorang individu muslim sepanjang tahun berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti cukup *haul* atau tempoh membayar zakat dan cukup nisab dengan kiraan 2.5 peratus atau 1/40 daripada harta.

Kewajipan zakat adalah suatu ketetapan yang telah diperintahkan oleh Allah, sebagaimana firman Allah (SWT) dalam surah at-Taubah ayat 103 (9:103):

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ  
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

“Ambillah sebahagian dari harta mereka menjadi sedekah supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

Menurut Nur Azura *et al.* (2005) zakat merupakan salah satu alat jaminan sosial kepada masyarakat Islam keseluruhannya. Pengaliran pendapatan daripada golongan yang layak mengeluarkan zakat kepada golongan asnaf, ianya mampu mewujudkan *intra-generatition* dan *inter-generational transfer*. Oleh itu, kutipan zakat yang tinggi secara langsung mampu membangunkan ekonomi dan dapat membantu dalam membasmi kemiskinan yang melanda masyarakat Islam

terutamanya di Malaysia pada hari ini. Zakat turut dilihat sebagai satu instrumen yang boleh membantu menjana ekonomi umat Islam dan mengeluarkan mereka yang tergolong daripada asnaf zakat yang perlu dibantu oleh umat Islam secara keseluruhannya. Justeru itu, dana zakat melalui hasil kutipan oleh institusi-institusi zakat yang dilantik diharapkan dapat terus memacu bagi membantu masyarakat Islam yang terdiri daripada kalangan asnaf agar terus bersaing dengan masyarakat yang lain.

Perintah kewajipan mengeluarkan zakat terhadap setiap individu Muslim kepada pemerintah untuk menguruskan zakat tersebut adalah sebagaimana telah dinyatakan oleh Allah di dalam al-Quran, bagi kerajaan Islam atau institusi yang telah dilantik oleh pemerintah untuk mengambil zakat daripada setiap individu muslim sama ada secara sukarela atau secara paksa bagi mereka yang tidak mengeluarkan zakat. Adapun perintah menunaikan zakat harta yang telah diwajibkan oleh Allah (SWT) melalui Nabi (SAW) maka wajiblah setiap orang Islam untuk taat dan mengeluarkannya. Keingkaran kepada kewajipan zakat adalah kafir kerana ia adalah salah satu daripada Rukun Islam (Mutawalli Sya'rawi, 2013) manakala keengganan mengeluarkan zakat adalah berdosa. Keadaan ini menunjukkan bahawa Islam sangat menitikberatkan kepada umatnya yang berkemampuan untuk melunaskan tuntutan Rukun Islam iaitu menunaikan zakat.

Namun, di Negeri Johor kebanyakan individu yang layak membayar zakat harta masih lagi kabur mengenai kewajipan menunaikan zakat harta sedangkan ia adalah tuntutan bagi setiap orang Islam sehinggakan pada zaman Saidina Abu Bakar RA khalifah yang pertama menggantikan Rasulullah (SAW) memerangi mereka yang enggan membayar zakat. Persoalannya disini mengapakah masih ramai lagi daripada kalangan orang Islam di Negeri Johor khususnya belum mengeluarkan zakat harta; adakah mereka mengeluarkan zakat harta sendiri tanpa melalui pusat pungutan zakat yang dilantik ataupun mereka masih belum terpenggil untuk membayar zakat harta. Perkara ini hendaklah diberi perhatian oleh pusat pungutan zakat mengenai isu-isu yang mempengaruhi orang Islam untuk membayar zakat.

Pentadbiran dan pengurusan pusat zakat di Malaysia adalah melalui pemerintah yang bernaung di bawah pengurusan negeri masing-masing. Menurut Abdul Rahman (2013), di Malaysia kuasa bagi mengutip dan mengagihkan zakat telah diberikan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Negeri. Kuasa ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembangan Persekutuan, pelaksanaan segala dasar dan kegiatan Majlis Agama Islam di sesebuah negeri berkenaan dilaksanakan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan dipertanggungjawabkan kepada MAIN. MAIN adalah institusi yang terletak di bawah DYMM Sultan/Raja atau SPB Yang Dipertuan Agong dan ia bertanggungjawab ke atas segala urusan berkaitan dengan kegiatan agama Islam di negeri berkenaan termasuklah dalam pengendalian urusan zakat (Ahmad Shahir Bin Makhtar & Adibah Bin Abdul Wahab, 2010).

Walaupun pada setiap tahun pusat pungutan zakat menunjukkan prestasi kutipan dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh MAIN dengan bilangan pembayar semakin meningkat namun peningkatan bilangan pembayar zakat harta masih lagi kecil jumlahnya jika dibandingkan dengan bilangan masyarakat Islam yang ada dan wajib untuk menunaikan zakat di Negeri Johor. Terdapat pelbagai isu yang perlu diselesaikan untuk membantu ke arah peningkatan kadar kutipan zakat dan bilangan pembayar. Hal ini kerana terdapat pelbagai isu yang merencatkan dan menghalang peningkatan kutipan zakat sekiranya tidak ditangani secara berhemah dan teliti. Antara isu yang sering diperkatakan muktahir ini seperti isu kebocoran pembayaran zakat; tidak membayar zakat kepada institusi zakat yang berautoriti dan pengagihan zakat terus kepada asnaf tanpa melalui institusi zakat menunjukkan bahawa ada daripada kalangan masyarakat Islam pada hari ini yang terdiri daripada kalangan pembayar zakat tidak berpuas hati dengan pengurusan institusi zakat terutamanya berkaitan dengan isu dana zakat. Sikap tidak yakin kepada institusi zakat adalah di antara penyebab untuk seseorang individu itu membayar zakat melalui saluran tidak formal sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Hairunnizam Wahid *et.al* (2009). Justeru itu, isu-isu yang berkaitan dengan institusi zakat ini dicadangkan supaya dilakukan satu kajian yang menyeluruh terhadap faktor-faktor yang menyebabkan dan menentukan pembayaran zakat kepada Majlis Agama Islam



Negeri Johor serta isu-isu yang berkaitan akan dibangkitkan dan dibincangkan pada bahagian berikutnya.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Hasil kutipan zakat yang diumumkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) menunjukkan peningkatan selari dengan meningkatnya kadar bilangan pembayar zakat dan sasaran kutipan zakat yang telah ditetapkan setiap tahun di Negeri Johor. Walaupun terdapat peningkatan bilangan pembayar zakat namun peningkatan tersebut masih kecil berbanding dengan jumlah bilangan pembayar dan nilai bayaran zakat yang sepatutnya dijangkakan diterima oleh MAINJ sebagai organisasi berautoriti dalam menguruskan dana zakat di Negeri Johor yang telah dilantik oleh sultan selaku ketua agama. Ini kerana jumlah penduduk Islam dan bilangan pembayar zakat harta adalah tidak signifikan di Negeri Johor dan ia jelas menunjukkan ada beberapa perkara yang perlu diperhalusi dan diperkemas oleh pelbagai pihak terutama institusi zakat untuk mengajak masyarakat menunaikan zakat. Perkara tersebut mendorong kepada kajian ini dijalankan bagi mengkaji faktor yang menentukan masyarakat Islam di Negeri Johor menunaikan pembayaran zakat harta di Majlis Agama Islam Negeri Johor.


Peningkatan jumlah pembayar zakat harta di negeri Johor merupakan suatu yang positif. Namun, bilangan pembayar zakat yang kecil berbanding dengan jumlah penduduk Islam mendorong kajian ini dijalankan. Ini bagi mengenal pasti faktor yang menjadi daya tarikan kepada peningkatan pembayaran zakat harta kepada institusi zakat yang telah dilantik seterusnya membantu pihak yang berkaitan dalam urusan pungutan zakat di Malaysia untuk memperbaiki strategi dalam kutipan zakat. Kajian ini juga turut mengenal pasti sikap masyarakat terhadap Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagai satu-satunya institusi zakat untuk menguruskan dan mengagihkan zakat di Negeri Johor dari sudut faktor pembayaran zakat harta. Kajian juga akan melihat mengenai perkara-perkara yang

menyebabkan kebocoran pembayaran zakat kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor.

### 1.2.1 Perkembangan Terkini Pembayaran Zakat Harta Di Negeri Johor

Pelbagai perkara telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam usaha meningkatkan jumlah pembayar zakat namun jumlah pembayar masih lagi kurang memuaskan. Mengikut kajian yang telah dibuat oleh Jabatan Perangkaan Negara; masyarakat Melayu yang beragama Islam di Negeri Johor pada laporan terakhir iaitu pada tahun 2014 adalah seramai 1,893,000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014). Namun bilangan pembayar zakat harta kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor bagi tahun 2011 pula adalah seramai 67,256 orang dan jumlah tersebut meningkat pada tahun 2012 kepada 75,379 orang dan pada 2013 adalah seramai 82,249 orang. Jumlah bilangan pembayar zakat harta bagi tahun 2014 adalah seramai 90,182 orang dan seramai 96,214 orang bagi tahun 2015. Bilangan ini sangat kecil iaitu hanya 5.08 peratus sahaja jika dibandingkan dengan bilangan penduduk Islam di Negeri Johor. Berikut adalah rajah 1.1 yang menunjukkan peningkatan peratusan bilangan pembayaran zakat harta di Majlis Agama Islam Negeri Johor.

**Rajah 1.1:** Peratusan Peningkatan Pembayaran Zakat Harta Di Majlis Agama Islam Negeri Johor



Sumber: Bahagian Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Johor

Jika diperhatikan dengan jelas kita dapat mengetahui bahawa kutipan zakat harta menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Namun jika dibandingkan dengan jumlah masyarakat Islam di Negeri Johor kadar tersebut adalah tidak signifikan dengan jumlah pembayar. Jumlah peratusan yang membayar pada tahun 2011 adalah seramai 3.55 peratus, manakala bagi tahun 2012 adalah seramai 3.98 peratus dan tahun 2013 adalah 4.34 peratus. Peningkatan dari tahun ke tahun agak perlahan dengan tahun pada 2014 adalah sebanyak 4.76 peratus sahaja yang membayar zakat manakala pada tahun 2015 adalah 5.08 peratus. Walaupun terdapat peningkatan dari tahun 2011 kepada 2012 sebanyak 0.43 peratus dan dari tahun 2012 ke tahun 2013 sebanyak 0.36 peratus namun peningkatan yang dicatatkan tidak mencapai 0.5 peratus setiap tahun. Peningkatan bilangan pembayar zakat harta dari tahun 2013 ke tahun 2014 masih juga kecil sekitar 0.42 peratus dan pada tahun 2015 peningkatannya adalah sebanyak 0.32 peratus. Dari tahun 2011 sehingga tahun 2015 peningkatan bilangan pembayar zakat harta di Majlis Agama Islam Negeri Johor adalah sebanyak 1.53 peratus. Bilangan pembayar zakat harta adalah sekitar 5 peratus daripada masyarakat Islam di Negeri Johor. Oleh yang demikian, penyelidik ingin memfokuskan apakah faktor yang menentukan kepada pembayaran zakat harta di Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2014) berdasarkan jadual 1.1 dan di bawah, 34.2 peratus penduduk Malaysia yang bekerja adalah yang berumur sekitar 25-55 tahun, pengkaji mendasarkan umur tersebut bagi kadar umur yang bekerja disektor kerajaan dan swasta, justeru pengkaji turut menilai bahawa kadar peratusan bilangan penduduk Melayu di Johor adalah adalah lingkungan 1,893,000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Bancian 2014). Jika dinilai sekiranya 1,893,000 orang penduduk negeri Johor adalah melayu Islam yang berusia 25-55 tahun adalah seramai 628,476 orang. Berdasarkan jadual 1.2 menunjukkan agihan pendapatan mengikut kelas pendapatan isi rumah bulanan Negeri Johor, sebanyak 95.2 peratus masyarakat di Negeri Johor berpendapatan lebih daripada RM 3,000.00 sebulan. Justeru jumlah kasar mereka yang mampu untuk mengeluarkan zakat daripada pendapatan yang mereka perolehi adalah seramai 598,309 orang. Ia dikira berdasarkan minimum gaji RM 3,000.00 dengan

pendapatan tahunan adalah RM 36,000.00 dan purata nisab semasa zakat di Negeri Johor adalah RM 13,251.00 pada tahun 2014.

**Jadual 1.1:** Penduduk bekerja mengikut kumpulan umur, tahun 2014

No	Kumpulan Umur	2014
		Jumlah
1	15-19	425.2
2	20-24	1,690.9
3	25-29	2,353.2
4	30-34	2,215.2
5	35-39	1,720.6
6	40-44	1,526.9
7	45-49	1,354.6
8	50-54	1,132.0
9	55-59	497.4
10	60-64	375.0
Jumlah		13,291

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014

**Jadual 1.2:** Taburan peratusan isi rumah dan agihan pendapatan mengikut kelas pendapatan isi rumah bulanan Negeri Johor

Bil	Kelas pendapatan (RM)	Agihan pendapatan (100%)
1	1,999 dan ke bawah	1.3
2	2,000 – 2,999	3.5
3	3,000 – 3,999	9.6
4	4,000 – 4,999	11.5
5	5,000 – 5,999	11.6
6	6,000 – 6,999	10.9
7	7,000 – 7,999	11.9
8	8,000 – 8,999	8.6
9	9,000 – 9,999	6.2
10	10,000-10,999	2.8
11	11,000-11,999	2.9
12	12,000-12,999	1.9
13	13,000-13999	2.2
14	14,000-14,999	1.6
15	15,000 dan ke atas	13.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2014)

Berdasarkan fakta yang diberikan, kajian yang lebih menyeluruh untuk mengkaji faktor yang menentukan pembayaran zakat harta di Negeri Johor perlu dilakukan bagi mencadangkan langkah yang sesuai yang perlu dilakukan untuk meningkatkan pungutan zakat. Dalam masa yang sama belum ada kajian khusus tentang pungutan zakat harta di Negeri Johor. Dengan mengetahui faktor yang mendorong pembayaran zakat harta ia diharapkan dapat membantu Majlis Agama Islam Negeri Johor dan institusi-institusi zakat di negeri-negeri lain untuk meningkatkan pungutan zakat dan bilangan pembayar zakat serta dapat memperbaiki pengurusan dan pentadbiran institusi zakat.

### **1.2.2 Kutipan Zakat Harta Di Beberapa Negeri Di Malaysia Dan Faktor Yang Mempengaruhi Peningkatan Kutipan**

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) boleh dijadikan sebagai contoh bagi negeri-negeri lain dalam pengurusan dan pentadbiran institusi zakat terutama perkara yang berkaitan dengan

kutipan zakat. Pada tahun 2013 bilangan pembayar zakat di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan adalah seramai 128,061 orang pembayar dengan bilangan penduduk Islam Wilayah Persekutuan sendiri adalah sekitar 776,958 orang. Sebanyak 16 peratus daripada masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan berjaya melaksanakan tuntutan menunaikan zakat harta. Ini diikuti dengan pungutan zakat di Negeri Selangor yang bilangan pembayarannya adalah yang terbesar di Malaysia iaitu seramai 256,540 orang pembayar berbanding dengan bilangan penduduk Islam di Negeri Selangor adalah seramai 3,161,994 orang pada peratusan 8.1 peratus.

Berikut jadual 1.3 adalah laporan bagi tahun 2013 bilangan pembayar zakat harta di tiga buah negeri yang mencatatkan kutipan tertinggi di Malaysia:

**Jadual 1.3:** Bilangan pembayar dan pungutan zakat di 3 buah negeri yang mendapat pungutan terbesar

Bil	Negeri	Bilangan Pembayar	Jumlah penduduk Islam	Peratus pembayaran
1.	Wilayah Persekutuan (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan)	128061 orang	776,958 orang	16 %
2.	Selangor (Lembaga Zakat Selangor)	256540 orang	3,161,994 orang	8.1 %
3.	Johor (Majlis Agama Islam Negeri Johor)	82249 orang	1,949,393 orang	4.3 %

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri, tahun 2013; Jabatan Perangkaan Negara, tahun 2014

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat dengan jelas bahawa Negeri Johor hanya mencatatkan bilangan pembayar zakat harta pada tahun 2013 hanyalah 4.3 peratus dengan 82,249 orang pembayar daripada bilangan masyarakat Islam di Negeri Johor adalah 1,893,000 orang. Jika diperhatikan dengan teliti bahawa bilangan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan adalah lebih kecil daripada bilangan umat Islam di Negeri Johor, namun bilangan pembayar zakat harta di

Wilayah Persekutuan adalah lebih ramai berbanding dengan bilangan pembayar zakat harta di Negeri Johor.

Majlis Agama Islam Negeri Johor boleh mempelajari daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui agensi yang dilantik untuk memungut zakat iaitu pusat pungutan zakat (PPZ) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui agensi yang dilantik iaitu Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengenai perkara-perkara yang perlu dilakukan untuk membantu meningkatkan kutipan zakat. Menurut Ahmad Shahir Makhtar (2007) antara perkara yang dilakukan oleh pihak Lembaga Zakat Selangor untuk meningkatkan kutipan zakat dan bilangan pembayar zakat adalah dengan memperkasakan pengurusan kutipan zakat yang merangkumi operasi dakwah dan kutipan zakat serta memberi kemudahan kepada masyarakat untuk membayar zakat. Bagi operasi dakwah dan kutipan zakat, Lembaga zakat Selangor mengadakan pelbagai bentuk penerangan mengenai zakat sama ada daripada segi ceramah, forum, taklimat penerangan mengenai zakat, operasi pekeliling kerajaan dan lain-lain. Bagi kemudahan pembayaran zakat, sebanyak 22 kaunter pembayaran zakat telah diwujudkan serta dengan kemudahan yang lain seperti kaunter bergerak, skim-skim potongan gaji dan sebagainya untuk membantu masyarakat untuk menunaikan zakat harta.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan turut berusaha keras dalam meningkatkan kutipan zakat. Antara usaha yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) adalah dengan menyediakan kemudahan pembayaran zakat. MAIWP melakukan inovasi terhadap kaedah terbaik untuk memastikan dan memudahkan orang ramai membayar zakat tanpa menghadapi sebarang masalah. Projek inovasi “Kutipan Zakat Yang Tidak Optimum” telah mendapatkan tempat pertama dalam Konvensyen KIK Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2015. Pada masa yang sama, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan turut memenangi kategori Hybrid bagi membantu penerima bantuan yang terdiri daripada asnaf untuk mendapatkan bantuan perubatan di hospital dengan kadar bayaran yang lebih rendah (MAIWP, 2015).

Kejayaan kedua-dua agensi zakat ini sebagaimana yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan adalah dengan mengenal pasti faktor yang membantu mereka untuk meningkatkan kutipan zakat. Manakala apa yang telah dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor adalah dengan memperbaiki pengurusan zakat dan kemudahan untuk masyarakat berzakat di samping itu mereka juga memberi maklumat yang jelas kepada masyarakat untuk berzakat. Bagi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), perkara yang dilihat sebagai faktor yang membantu masyarakat untuk berzakat adalah kemudahan yang diberikan kepada pembayar untuk menunaikan zakat dan pada masa yang sama mereka turut memaksimumkan agihan zakat kepada asnaf untuk memastikan kepercayaan masyarakat kepada pusat zakat dalam menguruskan dana zakat.

Ketidakjelasan mengenai faktor yang menentukan kepada pembayaran zakat adalah diantara penyebab peningkatan yang perlahan bagi kutipan zakat harta di Negeri Johor. Ia akan menyebabkan tumpuan atau promosi untuk meningkatkan pungutan zakat kepada golongan sasaran yang terdiri daripada prospek pembayar zakat tidak tepat kerana setiap tempat berbeza kumpulan sasaran yang perlu diberi perhatian oleh pusat zakat. Sudah pasti faktor kepada penentu kepada pembayaran zakat harta adalah berbeza di setiap negeri di Malaysia. Sebagai contoh, di Negeri Selangor pembayaran zakat mungkin boleh diberi perhatian adalah kepada bidang zakat perniagaan yang sudah pasti penumpuan terhadap faktor pemahaman mengenai zakat perniagaan, faktor rebat cukai dan faktor penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan zakat. Manakala di Negeri Perlis yang kebanyakan penduduknya terlibat dengan pertanian padi; antara faktor yang boleh dikenal pasti adalah faktor pengetahuan mengenai zakat, faktor keimanan dan faktor pembayaran zakat. Perbezaan tersebut menunjukkan setiap negeri mempunyai faktor yang berbeza yang perlu dikenal pasti oleh institusi zakat untuk mengajak masyarakat menunaikan zakat, ini kerana Negeri Johor mempunyai sosioekonomi yang berbeza dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia yang akan menyebabkan faktor tersebut berbeza.

Antara kajian yang mengenal pasti faktor kepada pembayaran zakat diantaranya adalah mengenal pasti faktor pembayaran zakat daripada kalangan peniaga sebagaimana dilakukan oleh Adibah Abdul Wahab dan Joni Tamkin



Borhan (2014) yang kajiannya bertajuk “Faktor Penentu Pembayaran Zakat Oleh Entiti Perniagaan Di Malaysia: Satu Tinjauan Teori”. Antara kajian lain untuk mengenal pasti faktor daripada kalangan kakitangan profesional di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani M. Nor (2004) yang mendekati institusi itu untuk mengetahui faktor yang memberi kesedaran di kalangan kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menunaikan zakat. Kajian mengenal pasti faktor turut dikaji oleh Mohamad Ishak Mohamad Ibrahim, Izzatul Ussna Ridzwan dan Mohd Rizuan Abdul Kadir (2016) yang bertajuk “Faktor-Faktor Halangan Terhadap Potensi Kutipan Zakat Perniagaan”. Kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji tersebut adalah untuk mengenal pasti faktor khusus yang perlu diberikan penekanan oleh institusi zakat bagi meningkatkan prestasi kutipan zakat harta.

Oleh yang demikian, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor perlu mengenal pasti faktor kepada pembayaran zakat daripada kalangan masyarakat Islam Di Negeri Johor, dengan kajian yang teliti terhadap faktor-faktor penentu kepada pembayaran zakat harta di Majlis Agama Islam Negeri Johor sekaligus akan memberi gambaran kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor mengenai isu atau perkara yang perlu kepada penambahbaikan. Justeru dengan faktor yang telah dikenal pasti inilah ia akan memudahkan pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor mensasarkan golongan tertentu untuk membayar zakat harta. Kajian ini dijangka dapat memberi impak kepada pusat pungutan zakat khususnya di Negeri Johor dalam membantu meningkatkan kadar kutipan zakat dan agihan sekaligus membantu masyarakat Islam yang memerlukan bagi mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan dengan menyediakan pelbagai bantuan dengan agihan zakat.

### **1.2.3 Kebocoran Pembayaran Zakat**

Kebocoran pembayaran zakat yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah pembayaran zakat yang tidak dibuat melalui institusi pungutan zakat yang dilantik. Isu pembayaran zakat yang tidak dibuat kepada pusat pungutan zakat yang dilantik juga bukanlah satu isu yang baru. Walaupun terdapat enakmen terhadap kesalahan

pembayaran zakat kepada institusi yang tidak dilantik namun isu tersebut masih belum dapat dibendung. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pusat pungutan zakat untuk mengajak masyarakat membayar zakat kepada institusi zakat yang dilantik namun isu membayar zakat terus kepada asnaf; membayar zakat kepada institusi yang tidak dilantik dan membayar zakat diluar negeri atau negara tidak dapat dikawal dan dipantau sepenuhnya. Kebocoran pembayaran zakat ini menyebabkan jumlah bilangan pembayar zakat kepada pihak berautoriti akan berkurangan dan sekaligus akan mengurangkan hasil kutipan dan agihan zakat.

Lantaran itu, ia semestinya akan memberi kesan dan impak kepada struktur ekonomi masyarakat Islam apabila pembayaran zakat tidak melalui institusi yang dilantik. Menurut Zulkifli Mohammad Al-Bakri (2015) pengagihan melalui pusat pungutan zakat yang dilantik adalah lebih menyeluruh jika dibandingkan dengan mengagih zakat secara sendiri. Ini kerana zakat yang diagihkan secara sendiri maka agihan hanya diberi sekali sahaja sedangkan melalui pusat pungutan zakat agihan diberi berdasarkan keperluan dan agihan turut boleh diberi setiap bulan. Agihan zakat melalui pusat pungutan zakat akan diagihkan kepada mereka yang benar-benar berhak yang terdiri daripada golongan asnaf.

Pengagihan zakat secara persendirian akan hanya menumpukan kepada perseorangan atau hanya menumpukan satu kumpulan kecil sahaja sedangkan agihan yang dilakukan oleh pusat pungutan zakat adalah sebaliknya dengan mengambil kira pandangan daripada pelbagai aspek seperti pandangan daripada ketua masyarakat setempat dan lain-lain. Apa yang turut dibimbangkan adalah agihan yang tidak tepat kepada asnaf yang memerlukan bantuan zakat kerana mereka yang mengagihkan zakat harta secara sendiri kebanyakannya adalah mereka yang kurang jelas mengenai asnaf zakat. Isu yang berkaitan dengan kebocoran ini disebabkan keaburan institusi zakat mengenal pasti faktor yang menyebabkan kebocoran pembayaran zakat yang memberi kesan dalam meningkatkan pungutan zakat. Justeru institusi zakat perlu untuk mengenal pasti faktor yang boleh mengekang peningkatan pungutan zakat dan memperbaiki isu-isu yang boleh menyebabkan masyarakat enggan membayar zakat kepada pusat pungutan zakat yang dilantik.

Pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor dilihat perlu untuk mengatasi isu kebocoran pembayaran zakat. Hal demikian ini, kerana kekurangan bilangan pembayar zakat dan kutipan zakat di Negeri Johor berkemungkinan disebabkan oleh kebocoran pembayaran zakat. Oleh itu dengan mengenal pasti faktor kebocoran pembayaran zakat ia diharapkan dapat membantu meningkatkan kutipan dan bilangan pembayar zakat.

#### 1.2.4 Keperluan Penambahbaikan Untuk Meningkatkan Pungutan Zakat

Kepentingan meningkatkan kutipan bagi institusi zakat adalah suatu perkara yang perlu dititikberatkan. Hal demikian ini kerana agihan zakat sangat bergantung dan berkait rapat dengan pungutan zakat yang telah sedia ada. Agihan zakat yang semakin meningkat dari tahun ke tahun turut dilihat sebagai satu isu yang penting dalam meningkatkan kutipan zakat. Pada tahun 2015, Majlis Agama Islam Negeri Johor mengalami defisit daripada segi kutipan zakat kerana agihan zakat telah melebihi pungutan sepanjang tahun tersebut. Pungutan zakat harta dan zakat fitrah adalah sebanyak RM 239 juta sedangkan agihan zakat sepanjang tahun adalah sebanyak RM 240 juta. Peningkatan yang kecil daripada segi kutipan zakat dan bilangan pembayaran zakat berbanding dengan peningkatan agihan yang besar menggambarkan pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor perlu merancang sesuatu bagi meningkatkan kutipan zakat bagi tahun-tahun berikutnya.

**Jadual 1.4:** Perbezaan jumlah pungutan dan agihan zakat tahun 2014-2015

	2014	2015	Peningkatan	peratus
Pungutan	RM 212,809,088.64	RM 239,454,963.12	RM 26,645,874.48	12.5%
Agihan	RM 191,443,569.34	RM 240,550,521.75	RM 49,106,952.41	25.6%

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri Johor

Jadual 1.4 menunjukkan perbezaan jumlah pungutan dan agihan zakat bagi tahun 2014 dan 2015. Berdasarkan laporan yang diperolehi pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor perlu untuk meningkatkan pungutan zakat. Daripada fakta angka tersebut menunjukkan bahawa peningkatan kepada jumlah pungutan hanya 12.5 peratus dari tahun 2014 ke tahun 2015, manakala agihan zakat meningkat

kepada 25.6 peratus pada tempoh tahun yang sama. Kadar agihan yang dilakukan adalah lebih sekali ganda daripada kadar pungutan zakat yang diperolehi. Ini mungkin disebabkan oleh faktor sara hidup yang semakin meningkat sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Bank Negara Malaysia (2015) bahawa kumpulan yang berpendapatan rendah memperuntukkan perbelanjaan yang lebih besar untuk keperluan seperti makanan dan mereka akan mengalami inflasi yang lebih tinggi berpunca daripada peningkatan inflasi makanan pada tahun 2015 iaitu 3.6 peratus kadar inflasi sedangkan tahun 2014 adalah 3.3 peratus. Justeru, keadaan ini yang menyebabkan peningkatan agihan zakat kepada asnaf zakat sepanjang tahun 2015 amat tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pelbagai perkara menjadi persoalan mengenai peningkatan yang agak perlahan daripada segi bilangan jumlah bayaran dan pembayar zakat harta. Adakah ianya berpunca daripada kelemahan sistem pentadbiran pihak pengurusan zakat; ataupun kurangnya promosi pembayaran zakat harta atau kerana pelbagai faktor luaran yang lain. Berdasarkan perkembangan semasa pungutan dan agihan zakat di Malaysia, sekiranya semakin besar pungutan zakat yang diperolehi maka agihan zakat turut meningkat dan pada masa yang sama terdapat peningkatan di dalam skim bantuan dan jumlah bilangan penerima bantuan zakat yang terdiri daripada kalangan asnaf. Namun sehingga kini peranan institusi zakat sebagai organisasi yang membantu golongan asnaf masih belum mencapai matlamatnya dan kurang meyakinkan daripada aspek membantu masyarakat Islam. Salah satu punca atau yang menyebabkan kegagalan ini adalah disebabkan oleh bilangan pembayaran zakat dan jumlah kutipan zakat yang kurang berbandingkan dengan mereka yang layak membayar zakat. Kekurangan hasil kutipan zakat menyebabkan agihan yang diperlukan oleh asnaf tidak dapat diberi secara menyeluruh (Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, & Adnan Mohamad, 2006). Tambahan lagi dengan kadar pendapatan yang kecil dan peningkatan kos sara hidup dari hari ke hari sudah pasti akan meningkatkan bilangan penerima bantuan zakat.

**Jadual 1.5:** Pungutan dan agihan zakat di Majlis Agama Islam Negeri Johor dari tahun 2012 sehingga 2015

Tahun	Pungutan (RM)	Agihan (RM)	Perbezaan (RM)
2012	170,879,621.23	143,346,570.76	27,533,050.47
2013	199,328,056.19	159,545,424.47	39,782,631.72
2014	212,809,088.64	191,443,569.34	21,365,519.30
2015	239,454,963.12	240,550,521.75	-1,095,558.63

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri Johor

Jadual 1.5 di atas menunjukkan peningkatan kutipan dan agihan zakat di Majlis Agama Islam Negeri Johor setiap tahun. Pada tahun 2015 terdapat defisit daripada segi pungutan dan agihan zakat, justeru pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor perlu memastikan kadar pungutan dan agihan zakat adalah seimbang. Peningkatan agihan zakat yang berlaku menunjukkan bahawa masyarakat yang terdiri daripada asnaf memerlukan bantuan dari Majlis Agama Islam Negeri Johor, kegagalan untuk meningkatkan kutipan zakat akan menyebabkan agihan zakat tidak dapat disalurkan sepenuhnya kepada asnaf yang memerlukan.

Dengan meningkatnya kadar kutipan zakat ia akan dapat membantu daripada kalangan asnaf dengan meningkatnya kadar agihan zakat dan skim bantuan yang disediakan oleh pusat pungutan zakat. Jika dahulu zakat hanya diberikan kepada fakir dan miskin untuk membantu sara hidup mereka namun pada hari ini bantuan zakat telah diperluaskan skim dan konsepnya kepada bantuan melanjutkan pelajaran, hemodialisis hatta erti kata riqab iaitu hamba juga telah diperluaskan. Ia sebagaimana yang telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan Fatwa Negeri Selangor iaitu berkiatan dengan asnaf riqab atau hamba adalah golongan yang terperangkap dalam isu akidah dan sosial seperti ketagihan dadah, pelacuran, juvana dan lain-lain lagi dan mereka perlu dibantu untuk kembali ke pangkal jalan. Justeru bantuan zakat daripada asnaf riqab boleh membantu mereka (Othman Mustafa, 24 Jun 2014).

Di Negeri Johor, walaupun hukuman mengenai zakat telah difatwakan dan telah wujud dalam Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Johor tetapi pelaksanaan

hukuman bagi mereka yang enggan dan tidak membayar melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk mengeluarkan zakat masih belum dapat dijalankan. Secara umumnya, masyarakat Islam di Negeri Johor mengetahui tentang kewajipan mengeluarkan zakat dan mengetahui zakat sebagai salah satu daripada rukun Islam. Pengetahuan mengenai zakat tersebut diperolehi daripada masyarakat secara formal dan tidak formal melalui pengajaran diperingkat sekolah dan institusi pengajian tinggi mahupun kuliah di masjid-masjid ataupun mendapat informasi dari corong radio, televisyen dan internet.

Pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor perlu melihat kesemua isu yang boleh menjejaskan dan mengekang peningkatan kutipan zakat, ia memerlukan penambahbaikan kepada setiap aspek berkaitan isu tersebut dan terus memfokuskan kepada perkara yang dapat meningkatkan pungutan zakat. Majlis Agama Islam Negeri Johor turut memerlukan penambahbaikan terhadap sistem yang sedia ada seperti isu-isu dalaman, tadbir urus institusi zakat itu sendiri, pengurusan dana zakat daripada segi pungutan dan agihan serta penyampaian maklumat yang berkesan kepada masyarakat. Adapun daripada aspek luaran, isu-isu yang perlu difokuskan adalah pelaksanaan undang-undang yang berkaitan dengan zakat; kelebihan rebat cukai yang diberikan oleh pihak kerajaan; pengetahuan yang diterima oleh masyarakat turut berbeza mengikut tempat. Justeru ia memerlukan satu rancangan dan tindakan yang lebih teratur dan berfokus untuk meningkatkan pungutan zakat sekaligus akan membantu asnaf terutamanya dan meningkatkan ekonomi umat Islam.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Institusi zakat di Malaysia pada hari ini berdepan dengan isu dan cabaran yang besar berbanding pengurusan zakat puluhan tahun dahulu. Hal demikian ini, kerana antara cabaran utama yang perlu dihadapi oleh institusi zakat pada hari ini adalah untuk mengajak masyarakat Islam untuk menunaikan zakat. Walaupun di Malaysia zakat mempunyai enakmen tersendiri namun enakmen tersebut hanya tercatat tanpa ada sebarang pelaksanaan. Pengamalan di Malaysia untuk menyeru

masyarakat Islam menunaikan zakat adalah melalui kaedah *tarbiyah* iaitu dengan mendidik masyarakat untuk menunaikan zakat. Kesesuaian kaedah *tarbiyah* pada masa ini perlulah diteliti dengan lebih mendalam tentang kerelevanannya untuk digunakan (Azizah Dolah & Abd Halim Mohd Noor, 2009). Justeru tindakan undang-undang dalam mengajak masyarakat untuk menunaikan zakat turut boleh dipertimbangkan. Pelbagai perkara harus diteliti agar masyarakat memberi kepercayaan yang sepenuhnya kepada institusi zakat untuk menguruskan zakat. Ia sangat berbeza dengan negara jiran Indonesia, kepercayaan masyarakat kepada pusat zakat yang dilantik oleh pihak pemerintah adalah rendah dan pembayar zakat membayar zakat kepada institusi swasta (Mutiara Dwi Sari & Muchtar Ahmad, 2010).

Peningkatan pungutan zakat di Malaysia adalah satu perkara yang baik namun terdapat beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh pusat zakat bagi menambahbaik pengurusan agar peningkatan dana zakat dapat terus membantu masyarakat Islam yang memerlukan terdiri daripada pelbagai asnaf. Pihak institusi zakat harus diberi kepercayaan sepenuhnya dalam menguruskan dana zakat. Isu-isu yang menghalang peningkatan kutipan zakat perlulah dielakkan dan institusi zakat haruslah mengenal pasti faktor yang menentukan pembayaran zakat di institusi zakat yang berautoriti. Dengan mengenal pasti faktor tersebut ia akan dapat membantu institusi zakat mengenai perkara yang diperlukan kepada penambahbaikan dan sekaligus meningkatkan bilangan pembayar zakat dan kutipan zakat.

Walaupun terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan masyarakat Islam cenderung untuk membayar zakat, faktor-faktor tersebut perlu dikenal pasti bagi penambahbaikan segenap aspek kepada peningkatan kutipan zakat. Faktor yang menentukan pembayaran zakat turut tidak sama antara satu tempat dengan tempat yang lain, contohnya pembayaran zakat di Negeri Pahang adalah berbeza dengan di Negeri Kedah, daripada jenis pembayaran zakat dimana pembayaran zakat di Negeri Pahang melalui zakat wang simpanan yang kebanyakan penduduk di Negeri Pahang adalah terdiri daripada kalangan peneroka Felda manakala di Negeri Kedah adalah zakat tanaman yang hasil buminya terdiri daripada padi. Ia turut berbeza berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh masyarakat setempat mengenai zakat

sudah pasti tidak sama dengan maklumat yang perlu disampaikan mengenai zakat bagi kakitangan sektor kerajaan di Putrajaya dan pensyarah di Universiti.

Kebocoran pembayaran zakat turut satu isu yang perlu diselesaikan. Kebocoran pembayaran zakat ianya berlaku sama ada dengan tidak membayar zakat kepada institusi yang dilantik atau membayar zakat terus kepada asnaf. Adakah masyarakat tidak mengetahui peranan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku institusi yang dilantik untuk memungut dan mengagihkan zakat atau adakah perkara ini berlaku disebabkan masyarakat kurang percaya dengan pengurusan dana zakat yang dibuat oleh institusi zakat. Perkara ini perlu diambil berat oleh semua institusi zakat yang dilantik bagi mengelakkan agihan zakat kepada asnaf tidak seimbang dengan agihan yang dilakukan sendiri oleh pembayar zakat.

Justeru perlunya satu kajian khas untuk mengenal pasti faktor yang menyebabkan masyarakat Islam di Negeri Johor mengeluarkan dan membayar zakat harta mereka kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Dengan mengenal pasti faktor-faktor tersebut, ia akan dapat membantu pihak Majlis Agama Islam Johor untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan zakat di Negeri Johor sekaligus membantu meningkatkan pungutan zakat di Negeri Johor kepada tahap yang maksimum. Dalam masa yang sama ia dapat membendung isu-isu yang akan mengekang peningkatan kutipan zakat di negeri ini.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian yang dilakukan adalah untuk mengkaji mengenai faktor-faktor yang mendorong masyarakat Islam di Negeri Johor untuk membayar zakat harta kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Berikut merupakan perkara yang hendak dicapai dalam kajian ini:

- i. Mengetahui perkembangan terkini pembayaran zakat harta di Negeri Johor.



- ii. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat harta kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- iii. Mengenal pasti punca kebocoran pembayaran zakat harta kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- iv. Mencadangkan penambahbaikan kaedah kutipan zakat harta yang berkesan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam pungutan dan agihan zakat.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Pengkaji merumuskan beberapa persoalan yang perlu dikaji berkenaan faktor penentu kepada pembayar zakat harta dalam Negeri Johor. Diantara persoalan utama yang bakal dikaji adalah seperti berikut:

- i. Bagaimanakah perkembangan terkini pembayaran zakat harta di Negeri Johor untuk membayar zakat harta?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi umat Islam di Negeri Johor untuk membayar zakat harta kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor?
- iii. Apakah punca kebocoran pembayaran zakat kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor?
- iv. Apakah penambahbaikan yang sesuai diamalkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam meningkatkan prestasi kutipan zakat?

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Jumlah penduduk di Negeri Johor adalah 3.5 juta dan masyarakat Islam di negeri ini dengan anggaran berjumlah 1,893,000 juta orang sebagaimana bancian yang terakhir yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2014). Namun demikian data dari Majlis Agama Islam Negeri Johor menunjukkan bahawa, jumlah penduduk yang mengeluarkan zakat harta di Negeri Johor tidak melebihi daripada 97 ribu orang pada tahun 2015. Fakta yang diperolehi menunjukkan

bahawa masih terdapat ramai daripada kalangan penduduk Islam di Negeri Johor belum menunaikan bayaran zakat harta mereka kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Keadaan ini bukan hanya berlaku di Negeri Johor sahaja tetapi ianya berlaku di semua Negeri di Malaysia.

Pengkaji turut mengemukakan fakta berkaitan dengan zakat perniagaan di Negeri Johor berdasarkan laporan dari Majlis Agama Islam Negeri Johor pada tahun 2012, dimana daripada jumlah 461,141 entiti perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hanya 19 peratus daripadanya jumlah entiti itu adalah milik muslim. Bilangan pembayar zakat harta pada tahun 2012 adalah 87,617, daripada jumlah tersebut hanya 3983 iaitu sekitar 3.4 Peratus yang membayar zakat perniagaan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (Mohamad Zaki Razaly *et.al*, 2014). Pelbagai andaian dapat dilihat sebagai faktor penentu pembayaran zakat namun secara jelas faktor yang signifikan dalam kutipan zakat di Negeri Johor nampaknya belum dapat diketahui menyebabkan pengkaji merasakan satu kajian yang lebih khusus perlu dilakukan bagi mengenai pasti faktor tersebut.

Keperluan untuk mengetahui masalah yang dihadapi amatlah diperlukan sekaligus ia akan membantu untuk memperbaiki isu yang timbul sama ada berkaitan dengan Majlis Agama Islam Negeri Johor atau faktor-faktor lain yang perlu dikenal pasti serta ia dapat membantu meningkatkan pungutan zakat. Melalui satu tinjauan kepada 4,918 orang pengguna laman *twitter* yang dibuat oleh Astro Awani mengenai cara terbaik untuk menyampaikan sumbangan zakat, 30 peratus daripada responden menyatakan bahawa mereka membayar kepada pusat zakat yang dilantik dan baki 70 peratus mengagihkan terus kepada asnaf. Melalui hasil tinjauan yang dilakukan mendapati bahawa kebanyakan masyarakat merasakan pemberian zakat terus kepada asnaf adalah lebih tepat berbanding membayar melalui pusat zakat (Astro Awani, 2016). Perkara ini dapat diatasi dengan meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada institusi zakat dan menjelaskan peranan sebenar institusi zakat kepada masyarakat.

Antara kepentingan kajian ini adalah untuk meningkatkan pungutan zakat bagi menampung agihan yang semakin besar dengan pelbagai skim bantuan yang

disediakan. Dengan bantuan zakat ia turut dapat membantu mengurangkan jurang kemiskinan dikalangan masyarakat Islam. Zakat perlu dilihat sebagai satu instrumen yang membantu pihak kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan, ia dapat dilihat melalui bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu masyarakat yang berpendapatan rendah dan miskin. Majlis Agama Islam Negeri turut memainkan peranan yang penting dalam membantu kerajaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan negara. Melalui laporan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) bahawa penurunan daripada 49.3 peratus kadar kemiskinan pada tahun 1970 kepada 0.6 peratus pada tahun 2014 menunjukkan bahawa agensi pemberi bantuan di Malaysia memainkan peranan dalam membantu mengurangkan kadar kemiskinan sambil ianya disokong oleh kadar pertumbuhan ekonomi dan pendapatan rakyat Malaysia (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2015).

Jika diperhatikan bahawa agensi pemberi bantuan yang utama di Malaysia adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); bantuan yang dihulurkan oleh pihak JKJ dengan kadar maksimum adalah sekitar RM 450.00 sebulan, bantuan yang diperolehi masih belum cukup untuk mengeluarkan keluarga yang berpendapatan rendah daripada paras garis kemiskinan. Hal demikian ini kerana paras garis kemiskinan di Malaysia mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah sekitar RM 940.00 untuk miskin dan RM 580.00 untuk miskin tegar setiap keluarga (Kementerian Kesejahteraan Bandar, 2016). Pihak Majlis Agama Islam adalah agensi yang menampung kekurangan tersebut sekaligus mengeluarkan mereka daripada kelompok asnaf dan seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan negara. Di Majlis Agama Islam Negeri Johor, skim bantuan sara hidup bulanan kepada asnaf adalah serendah RM 300.00 sehingga RM 750.00 bergantung keperluan asnaf. Ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Bahagian Penerbitan Dasar Negara menyatakan bahawa pembasmian kemiskinan di Malaysia turut dibantu oleh Majlis Agama Islam Negeri (Mohd Ayop Abd Razid, 2013). Justeru pungutan zakat yang tinggi amat penting bagi membantu negara mengurangkan indeks kadar kemiskinan.

Antara kepentingan lain adalah Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagai badan yang diamanahkan untuk memungut zakat daripada masyarakat Islam di Negeri Johor dan masyarakat perlu disedarkan dengan tanggungjawab untuk menunaikan zakat. Masyarakat juga perlu jelas bahawa zakat bukanlah satu perkara yang boleh dipandang remeh, kerana zakat terkandung dalam Rukun Islam dan ia juga mencakupi tentang keberkatan hidup didunia dan akhirat. Justeru semua pihak perlu bersama-sama dalam memenuhi tuntutan rukun Islam kerana ianya menjadi tonggak kepada keislaman setiap individu Muslim.

Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini dan fakta yang dikemukakan di atas, kajian mengenai faktor yang mempengaruhi umat Islam di Negeri Johor untuk menunaikan zakat harta dijangka memberi manfaat dan membantu pihak-pihak yang tertentu. Kajian yang dilakukan diharap dapat membantu beberapa pihak daripada aspek berikut:

- i. Memperkayakan kajian akademik mengenai pengurusan kutipan zakat di Malaysia untuk rujukan umum dan institusi pengajian tinggi.
- ii. Memberi sumbangan yang baru kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor khususnya dan Malaysia amnya mengenai kaedah yang terbaik daripada segi pungutan dan agihan zakat.
- iii. Memberi maklumat kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor tentang aspek-aspek yang perlu ditekankan di negeri ini.
- iv. Menangani permasalahan yang mempunyai kebarangkalian akan mengekang peningkatan pungutan zakat di Negeri Johor.

## **1.7 Skop Dan Batasan Kajian**

Kajian akan tertumpu disetiap lapisan masyarakat di Negeri Johor yang mempunyai kewajipan membayar zakat harta di Majlis Agama Islam Negeri Johor. Kajian ini akan melibatkan semua daerah di Negeri Johor yang mempunyai 11 buah pusat pungutan zakat dan ini akan dijelaskan pada bab yang ketiga. Dengan mengambil sampel daripada kalangan responden masyarakat Islam di daerah tersebut, kajian yang dilakukan mampu untuk menghuraikan permasalahan kajian

yang ditumpu oleh pengkaji. Dengan kutipan zakat yang ketiga terbesar dan bilangan pembayar zakat harta yang ramai pastinya dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti faktor kepada penentu pembayaran zakat harta di Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Negeri Johor mempunyai sosioekonomi yang pelbagai; daripada yang berpendapatan rendah seperti nelayan di Daerah Mersing, estet di Daerah Tangkak dan pekebun kecil di Daerah Pontian; sehingga kepada pendapatan yang sederhana untuk mereka yang menetap di felda- felda seperti di Daerah Kota Tinggi, Daerah Segamat dan Daerah Kluang; mereka yang mempunyai pendapatan yang tinggi seperti di Daerah Johor Bahru, Daerah Muar dan Daerah Batu Pahat yang akan membantu pengkaji memperolehi maklumat yang jelas mengenai kajian daripada pelbagai sudut termasuk sudut ekonomi dan demografi.

Kajian ini juga turut menumpukan kepada aspek maklumat dan informasi yang diperolehi daripada masyarakat Islam dan pembayar zakat di Negeri Johor mengenai maklumat-maklumat berkaitan dengan kutipan dan pembayaran zakat harta. Adakah daripada kalangan masyarakat mendapatkan informasi yang jelas mengenai zakat melalui saluran yang tepat seperti kuliah Maghrib yang diadakan di masjid-masjid, forum perdana, media massa, media cetak, media elektronik atau mereka sudah sedia maklum selepas didedahkan melalui pendidikan peringkat rendah iaitu Sekolah Agama Negeri Johor. Kajian yang dilakukan meliputi masyarakat Islam dan pengkaji juga turut meneliti pandangan daripada masyarakat awam di Negeri Johor sama ada mereka mengeluarkan zakat atau tidak untuk mengetahui apakah faktor yang menyebabkan mereka tidak terdorong untuk mengeluarkan zakat harta. Pada masa yang sama pengkaji juga ingin mengetahui tentang faktor yang menyebabkan kebocoran pembayaran zakat harta di Negeri Johor.

Kepelbagaian sumber dalam kajian yang dilakukan ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan tepat mengenai kajian yang dilakukan.

## 1.8 Hipotesis

Berdasarkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian yang telah dinyatakan, beberapa hipotesis dikemukakan dan akan diuji dalam kajian ini. Berikut adalah hipotesis yang akan diuji bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menentukan kepada pembayaran zakat harta di Negeri Johor.

i) Sub hipotesis: Imej dan kepercayaan kepada pusat zakat mendorong masyarakat untuk membayar zakat harta di Negeri Johor.

Ho : Imej dan kepercayaan kepada pusat zakat sangat mendorong masyarakat untuk membayar zakat harta di Negeri Johor.

H1 : Faktor ketidakpercayaan dan tidak yakin kepada institusi zakat tidak mendorong masyarakat untuk membayar zakat harta di Negeri Johor.

ii) Sub hipotesis: Pengetahuan mengenai zakat merupakan faktor pendorong kepada seseorang untuk mengeluarkan zakat.

Ho : Faktor pengetahuan mengenai zakat menyebabkan seseorang itu akan mengeluarkan zakat.

H1 : Faktor pengetahuan mengenai zakat tidak memberi kesan kepada seseorang itu mengeluarkan zakat.

iii) Sub hipotesis: Tahap keimanan masyarakat menjadi penyebab untuk masyarakat membayar zakat harta di Negeri Johor.

Ho : Faktor keimanan di kalangan masyarakat di Negeri Johor menyebabkan masyarakat di Negeri Johor mengeluarkan zakat harta.

H1 : Faktor keimanan bukanlah pendorong kepada masyarakat di Negeri Johor untuk mengeluarkan zakat harta.

iv) Sub hipotesis: Penguatkuasaan undang-undang adalah penentu kepada pembayar zakat harta di Negeri Johor.

Ho : Penguatkuasaan undang-undang di Negeri Johor yang berkaitan dengan enakmen zakat menjadi penyebab masyarakat untuk membayar zakat harta.

H1 : Penguatkuasaan undang-undang di Negeri Johor yang berkaitan dengan enakmen zakat tidak menjadi penyebab kepada masyarakat untuk membayar zakat harta.

v) Sub hipotesis: Kemudahan dan logistik untuk menunaikan zakat yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor menjadi penyebab kepada masyarakat untuk mengeluarkan zakat harta.

Ho : Kemudahan dan logistik untuk menunaikan zakat harta yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor kepada masyarakat menyebabkan masyarakat mudah melaksanakan pembayaran zakat harta.


H1 : Kemudahan dan logistik untuk menunaikan zakat harta yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor kepada masyarakat tidak menyebabkan masyarakat mudah melaksanakan pembayaran zakat harta.

vi) Sub hipotesis: Masyarakat di Negeri Johor membayar zakat kerana ingin mendapatkan rebat cukai dan mengelakkan cukai.

Ho : Faktor yang menyebabkan masyarakat di Negeri Johor mengeluarkan zakat adalah kerana rebat cukai yang diberikan dari pihak LHDN.

H1 : Faktor yang menyebabkan masyarakat di Negeri Johor mengeluarkan zakat adalah bukan kerana rebat cukai yang diberikan dari pihak LHDN.

## 1.9 Kerangka Konseptual Kajian



**Rajah 1.2:** Kerangka Konseptual Kajian

### 1.9.1 Imej Dan Kepercayaan Kepada Pusat Zakat

Kepercayaan dan keyakinan masyarakat kepada pihak yang menguruskan kutipan dan agihan zakat adalah dipengaruhi oleh elemen-elemen seperti faktor pengurusan pusat zakat, faktor penyampaian maklumat kepada masyarakat dan faktor agihan. Pengkaji melihat faktor-faktor ini menjadi perkara yang penting kepada pusat pungutan zakat dalam meningkatkan imej dan kepercayaan sekaligus meningkatkan bilangan pembayar zakat harta.



### **1.9.1.1 Faktor Pengurusan**

Pengurusan pusat zakat merupakan nadi utama kepada pembangunan institusi zakat di setiap negeri. Pengurusan pusat zakat yang baik sangat membantu dalam meningkatkan keberkesanan pungutan dan agihan zakat yang menjadi misi utama dalam meningkatkan sosioekonomi masyarakat setempat. Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Binti Abdul Wahab (2010) menjelaskan bahawa Majlis Agama Islam Negeri Selangor berjaya menguruskan Lembaga Zakat Selangor (LZS) kepada sebuah institusi zakat yang tersusun, praktikal serta menepati imej sebuah badan organisasi yang berkonsepkan korporat. LZS juga memperuntukkan perjawatan yang seimbang dalam carta organisasi kerjanya di samping mengekalkan pengkhususan kerja di antara pungutan zakat dan agihan zakat.

### **1.9.1.2 Penyampaian Maklumat**

Penyampaian maklumat yang berkesan kepada masyarakat turut memainkan peranan dalam mempertingkatkan kutipan zakat. Pelbagai usaha yang perlu dilakukan bagi menjelaskan kepada masyarakat mengenai pembayaran zakat sama ada daripada segi kaedah pengiraan zakat, zakat yang wajib untuk dibayar, tempat untuk membayar zakat. Ia adalah perkara yang perlu di giatkan dalam penyampaian maklumat berkaitan dengan zakat dengan mempelbagaikan kaedah penyampaian dan promosi yang sesuai kepada prospek-prospek.

Penyampaian maklumat yang berkesan turut memainkan peranan yang penting dibahagian agihan zakat, masyarakat sering tertanya kemanakah agihan zakat yang mereka telah bayarkan. Hari ini kita mendapati bahawa kebanyakan pusat zakat sedang berusaha untuk mempromosikan agihan zakat kepada masyarakat dengan menggunakan pelbagai kaedah sama ada menggunakan laman-laman sesawang mahupun laman sosial, iklan di kenderaan seperti di bas dan teksi, papan tanda mahupun iklan di radio dan televisyen. Promosi mengenai agihan adalah untuk memaklumkan kepada masyarakat mengenai agihan dana zakat bagi meningkatkan kepercayaan masyarakat awam kepada pusat pungutan zakat.

Penyampaian maklumat berkaitan dengan zakat sama ada mengenai pungutan dan agihan kepada masyarakat adalah sangat diperlukan, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor (Mohamed Izam Bin Mohamed Yusof, 2011) yang sentiasa mengkaji keberkesanan penggunaan teknologi, ini bagi meningkatkan pengetahuan dan penyampaian maklumat kepada masyarakat dilakukan dengan lebih berkesan. Ia termasuk membangunkan pelan komunikasi yang komprehensif kepada kelompok pembayar, penerima zakat dan masyarakat awam dan secara tidak langsung akan meningkatkan keyakinan masyarakat kepada Lembaga Zakat Selangor. Lembaga Zakat Selangor sentiasa menganalisa keberkesanan dalam penyampaian maklumat agar ianya sentiasa memberi maklumat yang jelas sama ada di dalam organisasi mahupun di luar organisasi zakat.

### **1.9.1.3 Faktor Agihan**

Pengkaji mendapati bahawa faktor agihan yang berkesan menjadi penentu kepada peningkatan pembayaran zakat harta, melalui kajian Azninainie Binti Mohd Ghazi *et.al* (2013) menerangkan bahawa antara faktor yang menentukan kepada pencapaian kutipan zakat adalah apabila institusi-institusi zakat telah berjaya meningkatkan keberkesanan pengurusan yang baik dan bersistematik dari sudut agihan. Dalam kajian yang dilakukan di Negeri Kelantan mengenai pencapaian kutipan zakat adalah didorong oleh keberkesanan agihan zakat terhadap golongan lapan asnaf sama ada melalui pengurusan zakat yang baik mahupun bentuk pengagihan zakat yang memenuhi kehendak setiap masyarakat.

Pengagihan dana zakat perlu dimaksimumkan kepada asnaf-asnaf zakat dengan menggunakan kaedah yang terbaik untuk mengagihkan zakat sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Mohd Ali Mohd Noor *et.al* (2004) mendapati bahawa dengan pengagihan zakat yang berkesan serta bersistematik ianya akan dapat menjana ekonomi umat Islam yang terdiri daripada penerima zakat dan ia turut menyumbang dan membantu proses pembangunan ekonomi negara. Justeru kajian tersebut turut disokong melalui kajian keberkesanan agihan zakat di Negeri Melaka oleh Fuadah Johari (2004). Pada kajian tersebut menyatakan bahawa terdapat

hubungan yang positif diantara pungutan dan agihan zakat. Pengurusan berkaitan dengan kaedah agihan ia dapat mempengaruhi pungutan zakat disesuatu tempat, perkara tersebut telah diserlahkan oleh Majlis Agama Islam Melaka, dengan meningkatkan jumlah agihan zakat ianya turut membantu dalam meningkatkan pungutan zakat secara tidak langsung ianya memberi maklumat kepada masyarakat tentang agihan zakat dan menyarankan masyarakat untuk melunaskan tuntutan zakat kepada Majlis Agama Islam Melaka.

### 1.9.2 Pengetahuan Mengenai Zakat

Antara faktor yang signifikan dalam menyumbangkan harta sama ada sedekah, zakat mahupun wakaf adalah faktor mengenai latar belakang pendidikan dan pekerjaan. Perkara ini dikemukakan melalui kajian yang dilakukan oleh Nor Aishah Ismail *et.al* (2015) dengan meletakkan tahap pendidikan menentukan amalan dalam menunaikan wakaf. Dalam kajian tersebut, mereka menukilkan pendapat daripada Eisenberg & Miller (1987) :

“Individu yang mempunyai pendidikan lebih cenderung untuk melakukan derma”

Dalam kajian tersebut juga turut menyatakan bahawa golongan yang berpendidikan tinggi dengan memperolehi pendapatan yang tinggi akan menyumbangkan pendapatan mereka untuk kebajikan.

Ia turut disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Dziauddin Sharif *et.al* (2011) menyatakan bahawa individu yang berlatar belakangkan pendidikan agama dan bukan agama sama-sama memahami tentang kewajipan untuk menunaikan zakat. Ini kerana faktor pemahaman agama diterapkan dalam pendidikan yang terdapat dalam semua aliran pendidikan negara sekaligus menyebabkan faktor tersebut menyumbang kepada pengeluaran zakat daripada kalangan masyarakat. Dalam kajian yang dilakukan oleh Mohd Ali Mohd Nor *et.al* (2004) mengaitkan pendidikan dan keimanan akan memberi kesan kepada tindakan ekonomi seseorang, justeru pendidikan baginya adalah faktor yang signifikan dalam membentuk masyarakat untuk mengeluarkan zakat harta.

Faktor pengetahuan turut dikenal pasti sebagai salah satu elemen yang berperanan mempengaruhi masyarakat dalam mengeluarkan zakat sepertimana dapatan yang diperolehi dalam kajian Noor Sahidi bin Johari (2013). Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa tahap pengetahuan yang rendah mengenai zakat menyebabkan kebanyakan mereka tidak mengeluarkan zakat walaupun telah mencukupi syarat untuk mengeluarkan zakat harta. Menurutny lagi tahap pengetahuan mengenai kewajipan untuk mengeluarkan zakat harta adalah merupakan faktor dalaman yang menentukan kekuatan mereka untuk menunaikan zakat harta.

### **1.9.3 Keimanan**

Sudah pastinya perkara yang berhubung secara terus dengan agama akan mempunyai kaitan dengan tahap keimanan. Semakin tinggi keimanan seseorang, maka semakin tinggi tahap pegangan terhadap suruhan agama. Ini secara langsung memberi kesan kepada perkara yang menjadi rukun Islam iaitu menunaikan zakat. Menurut kajian yang dilakukan oleh Hairunizam Wahid *et.al* (2005) menjelaskan bahawa faktor dalaman seperti pengetahuan agama dan keimanan mempengaruhi kepada pembayaran zakat harta.

Mohamad Noor Sahidi Johari (2013) menerangkan bahawa pelaksanaan ibadah zakat adalah sangat berkait rapat dengan tahap penghayatan terhadap agama dan tahap keimanan. Nilai keimanan menjadi nadi kepada perlaksanaan perkara ibadah, ini merangkumi ibadah zakat yang terletak di dalam Rukun Islam. Semakin tinggi nilai keimanan seseorang itu, maka semakin tinggi jugalah tahap keyakinan seseorang itu untuk mengeluarkan zakat tanpa memikirkan keuntungan dan faedah di dunia.

### **1.9.4 Penguatkuasaan Undang-Undang**

Walaupun ibadah zakat diwajibkan dalam Islam setelah memenuhi segala syarat yang telah ditetapkan tetapi dalam kebanyakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji menunjukkan wujudnya faktor sampingan yang wujud yang

mendorong masyarakat untuk mengeluarkan zakat. Keadaan ini dapat dilihat dengan adanya undang-undang mengenai zakat diperingkat persekutuan menyebabkan ia menjadi salah satu faktor yang mendorong masyarakat untuk mengeluarkan zakat. Walaupun terdapat enakmen tertentu mengenai zakat namun belum ada tindakan yang dilakukan oleh pihak institusi zakat; kebanyakan institusi zakat menggunakan pendekatan “*tarbiyyah*” dalam menyeru masyarakat untuk menunaikan zakat (Azizah Dolah & Abd Halim Mohd Noor, 2009).

